



BULETIN INSTUN

INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

EDISI TERHAD / PERCUMA

BULANAN : EDISI FEBRUARI 2025

PENAUNG:
Tuan Khairin Nazry bin Karim

PENASIHAT:
Encik Jacob Raju a/l Jayadurai

KETUA EDITOR:
Encik Abdul Rashid bin Omar

REKAAN & GRAFIK:
Encik Wan Mohd Firdaus
bin Wan Mohd Zahari

SIDANG EDITORIAL:
UKP BPPT
UKP BUP
UKP BTM
UKP RND
PRO INSTUN

Dari Ketua Editor

Syukur ke hadrat Ilahi, Buletin Bulan Februari 2025 berjaya diterbitkan. Antara tujuan utama penerbitan buletin ini adalah untuk melaporkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di INSTUN sepanjang bulan Februari. Ia juga adalah sebagai satu platform saluran maklumat yang boleh dikongsikan bersama tentang informasi aktiviti yang telah dilakukan selari dengan perancangan di dalam takwim INSTUN khususnya.

Diharapkan penerbitan buletin ini akan menjadi perangsang kepada semua pegawai, khususnya penyelarasan yang melaksanakan aktiviti supaya menghantar laporan aktiviti kepada Penyelarasan Buletin jabatan untuk dijadikan sebagai satu penerbitan. Tahniah sekali lagi kepada sidang editor buletin INSTUN pada kali ini. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan pada masa yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

 **Encik Abdul Rashid bin Omar**
Ketua Seksyen Perhubungan Awam INSTUN

ISSN 2600-853X



9 772600 853003

MAJLIS APRESIASI PRESTASI PRESTASI INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA TAHUN 2024

Sekyen Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Institut Tanah dan Ukur Negara telah berjaya menganjurkan Majlis Apresiasi Prestasi Institut Tanah dan Ukur Negara Tahun 2024 secara bersemuka bertempat di Auditorium, INSTUN pada 25 Feb 2025. Secara keseluruhannya, majlis ini telah dihadiri oleh kesemua kakitangan INSTUN seramai 145 orang.

Majlis ini dilaksanakan bertujuan untuk memberi penghargaan ke atas sumbangan pegawai dan kakitangan INSTUN untuk terus berusaha memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada Institut serta memberi kesedaran kepada semua Warga INSTUN bahawa mereka amat penting di dalam mengekalkan kecemerlangan Institut ini di mana segala jasa dan sumbangan setiap Warga INSTUN adalah dihargai di samping mengiktiraf pencapaian dan prestasi cemerlang yang telah ditunjukkan oleh pegawai dan kakitangan pada tahun penilaian dan memberi dorongan dan inspirasi kepada pegawai dan kakitangan yang lain untuk meningkatkan prestasi dalam perkhidmatan awam.

Majlis ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN. Seramai dua puluh tujuh (27) penerima anugerah telah diraikan di mana sebelas (11) orang penerima bagi Kategori Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Dua belas (12) orang penerima Kategori Anugerah Keterampilan INSTUN (AKI), tiga (3) orang penerima Anugerah Penceramah Cemerlang (APHC) dan seorang (1) penerima Anugerah Penceramah Muda Cemerlang (APHMC). Majlis ini turut disajikan dengan persembahan khas daripada Pelajar Seni Muzik Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)





KURSUS DALAM TALIAN: PENGURUSAN TANAH RIZAB MELAYU

TARIKH : 4 - 5 Februari 2025



TEMPAT : Dalam Talian

PENCERAMAH : Puan Noranizawaty Bt Yusof, Encik Zahar Bin Sapor, Encik Rosdi Bin Mohd Yaacob, Encik Jaiya Bin Abu

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 84 orang terdiri daripada pegawai PTG, PTD pelbagai kementerian dan agensi. Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman dalam pengurusan Rizab Melayu.

Kandungan Kursus:

1. Pengenalan kepada Enakmen-Enakmen Rizab Melayu (ERM) Semenanjung Malaysia
2. Pelupusan dan Pembangunan Tanah Rizab Melayu
3. Urusniaga dan Halangan Urusniaga Tanah Rizab Melayu
4. Endorsan dan Pembatalan Perisytiharan Rizab Melayu dalam Hakmilik
5. Isu-Isu dan Kes Mahkamah Tanah Rizab Melayu



KURSUS PENGURUSAN HARTA PUSAKA DI BAWAH AKTA HARTA PUSAKA KECIL (PEMBAHAGIAN) 1955 BAGI ANGGOTA PEMBAHAGIAN PUSAKA (TL09/25)

TARIKH : 12-14 Februari 2025

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Pengurusan Tanah, INSTUN

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 39 orang Pegawai Pusaka dari JKPTG di Semenanjung Malaysia. Objektif kursus adalah Meningkatkan Pengetahuan dan kefahaman berkaitan Pengurusan Harta Pusaka Kecil. Penceramah jemputan Baharuddin Bin Aziz, Saifuldin Bin Aziz @ Abdul Aziz, Mohd Zaki Bin Md Noh dan Hj. Amre Bin Malek dari JKPTG.






KURSUS DALAM TALIAN: PERSEDIAAN MENGHADIRI SIASATAN PENGAMBILAN TANAH (TKE04/25)

TARIKH : 13 Februari 2025

TEMPAT : Dalam Talian Google Meet

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 72 orang pegawai dari pelbagai JKPTG/PTG/ PTD dan Agensi Negeri di Semenanjung Malaysia.

Objektif kursus memberi pendedahan dan kefahaman kepada masyarakat mengenai aspek Pengambilan Tanah. Penceramah INSTUN En Azman bin Mad Dali.



KURSUS PELANGGARAN SYARAT TANAH

TARIKH : 13 hingga 14 Februari 2025

TEMPAT : Savannah Hotel & Resort, Ulu Tiram, Johor

PENCERAMAH : Encik Zahar bin Sapor

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini diadakan secara fizikal dan dihadiri seramai 20 orang peserta yang terdiri dari Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Pembangunan Tanah dan Unit Perundangan. Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan mengenai pelanggaran syarat tanah yang meliputi undang-undang berkuatkuasa, kes mahkamah, pengeluaran dan penyampaian notis.





KURSUS DALAM TALIAN : ASAS HAKMILIK STRATA (TLE04/25)

TARIKH : 18-19 Februari 2025

TEMPAT : Dalam Talian Google Meet

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 65 orang dari JKPTG,PTG,PTD di Semenanjung Malaysia. Objektif kursus adalah memberi pengetahuan dan kefahaman mengenai aspek pengurusan Hakmilik Strata.

Penceramah INSTUN, En Mohd Zoolhalmy bin Razali dan Puan Suhaila Binti Ibrahim dari Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah INSTUN. Penceramah jemputan En Farhan Bin Hassan dari PTG Putrajaya, Puan Yati Binti Musa dari JKPTG dan En Che Adzhan Bin Che Adnan dari DBKL.



KURSUS PERSEDIAAN PEPERIKSAAN AMALAN UKUR KADASTER

TARIKH : 18 hingga 21 Februari 2025

TEMPAT : INSTUN

PENCERAMAH : Encik Abnorhady bin Abu Bakar

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini diadakan secara fizikal dan dihadiri seramai 26 orang peserta. Objektif kursus ini adalah memberi pendedahan dan kefahaman dalam aspek perundangan tanah yang terlibat dengan kerja-kerja ukur dan pentadbiran tanah.





KURSUS PENSIJILAN PENGURUSAN PROJEK AWAM BERSEPADU (3PAB) VERSI 2.0 TAHUN 2025

TARIKH : 19 Februari 2025

TEMPAT : Bilik Kuliah Seri Zamrud, INTAN Bukit Kiara

PENCERAMAH : Encik Azman Mad Dali

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini diadakan secara fizikal dan dihadiri seramai 24 peserta yang terdiri dari pelbagai agensi iaitu Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pertahanan, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), Jabatan Agama Islam Selangor, Unit Perancang Ekonomi, Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), Majlis Daerah Pontian dan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan. Program ini merupakan program Kerjasama INTAN dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Kementerian Ekonomi, Jabatan Kerja Raya (JKR), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB). Objektif kursus ini adalah:

1. Meningkatkan kompetensi, daya inovasi dan kreativiti dalam merancang, melaksana, memantau dan menilai projek;
2. Menyediakan platform untuk mengenal pasti dan mengaplikasi kaedah terbaik dalam pengurusan projek serta mampu menyelesaikan masalah dengan berkesan;
3. Membangunkan kumpulan kepakaran dalam bidang pengurusan projek;
4. Mendapat pengiktirafan sebagai pengurus projek bertauliah dan berkemampuan menguruskan projek secara profesional.



KURSUS PEMBANGUNAN DAN PELUPUSAN TANAH, PEJABAT DAERAH DAN TANAH PORT DICKSON

TARIKH : 19 hingga 20 Februari 2025

TEMPAT : Palm Seremban Hotel, Jalan Sg Ujong Negeri Sembilan

PENCERAMAH : Encik Zahar bin Sappar, Encik Abnorhady bin Abu Bakar

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini diadakan secara fizikal dan telah dihadiri seramai 30 pegawai dan kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson. Objektif utama kursus ini adalah supaya peserta dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam tatacara pembangunan dan pelupusan tanah serta melaksanakan amalan-amalan terbaik dalam urusan tanah.






KURSUS DALAM TALIAN: PETISYEN DAN PERMOHONAN PUSAKA OLEH WARIS/ PERBADANAN MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI (TKE03/25)

TARIKH : 20 Februari 2025

TEMPAT : Dalam Talian Google Meet

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 72 orang pegawai dari pelbagai agensi negeri di Semenanjung Malaysia. Objektif kursus meningkatkan pengetahuan dan persediaan waris dalam membuat permohonan pusaka. Penceramah dari Bahagian Pembahagian Pusaka Kecil JKPTG En Mohammad Azizul bin Ramli.



MAKMAL BERHUBUNG PELAKSANAAN PERUMAHAN SOSIAL OLEH KERAJAAN NEGERI/ AGENSI ANJURAN BAHAGIAN PERANCANGAN PERUMAHAN, KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)

TARIKH : 22 Februari 2025

TEMPAT : Flemington Hotel, Taiping

PENCERAMAH : Encik Azman Mad Dali

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini diadakan secara fizikal dan telah dihadiri seramai 40 pegawai dan kakitangan Bahagian Perancangan Perumahan, KPKT. Objektif utama kursus ini untuk membincangkan cadangan pelaksanaan projek Program Residensi Rakyat (PRR) di bawah KPKT secara kerjasama strategik bersama pihak Kerajaan Negeri serta meningkatkan kefahaman berkenaan pengurusan tanah bagi pembangunan projek PRR.





KURSUS SIJIL PENTADBIRAN TANAH - MODUL I: BILANGAN 1 (MODUL KANUN TANAH NEGARA 1)

TARIKH : 24 - 27 Februari 2025

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Geomatik (PKG), Blok Akademik C, INSTUN

PENCERAMAH : Encik Rosdi Bin Mohd Yaacob, Tn. Hj Ab. Aziz bin Ismail, En. Mohd Yusaimi bin Mat Yusof, En. Zulkifli bin Hanafiah

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 20 orang terdiri daripada Pegawai Tadbir dan Diplomatik / Pegawai Tadbir Negeri & Persekutuan. Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman peserta berkaitan Asas dan Proses Pelupusan dan Pembangunan Tanah di bawah Kanun Tanah Negara.

Kandungan Kursus:

- Pengenalan kepada Sistem Pentadbiran Tanah
- Pelupusan Tanah Secara Pemberimilikan dan Pelanjutan Tempoh Pegangan di bawah Seksyen 90A
- Pelupusan Tanah Secara Selain Pemberimilikan – Perizaban & Pajakan Tanah Rizab, Lesen Pendudukan Sementara (LPS)
- Pelupusan Tanah Secara Selain Pemberimilikan – Permit Bahan Batuan, Permit dan LPS Disatukan, Permit Ruang Udara
- Bentuk Hakmilik, Kategori, Syarat dan Sekatan Kepentingan
- Pembangunan Tanah – Tukar Kategori, Syarat dan Sekatan Kepentingan
- Pembangunan Tanah – Pecah Sempadan, Pecah Sempadan dan Tukar Syarat Serentak di bawah KTN
- Konsep Pemilikan dan Penamatan Hakmilik Bersama di bawah KTN
- Pembangunan Tanah – Penyatuan Tanah, Serah Balik (S197), Serah Balik dan Berimilik Semula (S204) di bawah KTN dan Penggunaan dan Pengurusan Surat Kuasa Wakil dalam Pembangunan Tanah
- Laporan Tanah, Surihan, Penyediaan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) dan Permintaan Ukur (PU) Perkongsian dan Pembentangan Tugasan Kumpulan





MESYUARAT KUMPULAN KERJA TEKNIKAL JARINGAN BALAI CERAP KEBANGSAAN BILANGAN 1 TAHUN 2025

Tarikh : 4 Februari 2025

Tempat : Bilik Mesyuarat, Observatori Negara Langkawi (ONL), Kedah

Tujuan :

1. Nazhatulshima binti Ahmad telah dilantik bagi menpengurusikan Kumpulan Kerja Teknikal Jaringan Balai Cerap Kebangsaan Bilangan 1 Tahun 2025. Mesyuarat dimulakan oleh Dr. Nazhatulshima binti Ahmad daripada Universiti Malaya dengan mengalu-alukan kehadiran semua ahli dan memberikan ucapan pembukaan.
2. Mesyuarat diteruskan dengan sesi pembentangan Pelan Tindakan Dasar Angkasa 2030 oleh Puan Farahana Kamarudin, Pengarah Observatori Negara Langkawi (ONL) yang merangkumi perkara-perkara berikut:
 - i. Salah satu Pelan Tindakan Dasar Angkasa 2030 adalah Program Cuaca Angkasa Malaysia. Program Cuaca Angkasa Malaysia ini merupakan satu sistem ramalan cuaca angkasa yang digunakan untuk memantau dan meramal cuaca angkasa secara berterusan. Sebelum terbinanya model sistem cuaca angkasa ini, pengumpulan data-data berkaitan tompok hitam matahari (hotspot) amatlah penting kerana setiap fenomena cuaca angkasa adalah berkaitan rapat dengan aktiviti matahari.
 - ii. Bagi memastikan pengumpulan data tompok hitam matahari berjalan dengan lancar, bengkel pengimejan penganalisaan matahari dan semakan tahap ketersediaan balai cerap telah diadakan serentak dengan Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal Jaringan Balai Cerap Kebangsaan. Bengkel tersebut merangkumi pendedahan kepada kaedah, teknik dan pemprosesan serta analisis data cerapan yang dicerap bagi memastikan data yang diperolehi berkualiti dan boleh digunakan untuk kajian. Pada masa yang sama, pihak ONL, MYSA akan membina pangkalan data untuk menyimpan data-data cerapan tersebut. Untuk masa terdekat ini, pihak ONL, MYSA akan menyimpan data sementara iaitu secara cloud bagi memudahkan penyimpanan data oleh setiap balai cerap.
 - iii. Selain itu, ketersediaan peralatan di balai cerap turut dititikberatkan dan jika terdapat sebarang masalah berkaitan peralatan, setiap balai cerap boleh menghubungi pihak urus setia Kumpulan Kerja Teknikal untuk mendapatkan bantuan.
 - iv. Urus setia Kumpulan Kerja Teknikal juga akan mengadakan Bengkel Siri 2 pada 10-12 Jun 2025. Setiap balai cerap dikehendaki untuk menyediakan data tompok hitam matahari dan akan dibentangkan dalam Bengkel Siri 2 ini.
3. Pihak urusetia Kumpulan Kerja Teknikal juga akan merangka Terms of Reference (TOR) bagi Kumpulan Kerja Teknikal dalam masa terdekat dan akan mengedarkan kepada ahli kumpulan kerja teknikal untuk memberikan maklum balas.
4. Kumpulan Kerja Teknikal akan dimaklumkan sekiranya terdapat sebarang seminar atau program yang dianjurkan oleh pihak JAKIM.





BENGKEL PENGIMEJAN DAN PENGANALISAAN MATAHARI SIRI 1

Tarikh : 5 - 6 Februari 2025

Tempat : Balai Cerap Solar, Observatori Negara Langkawi (ONL), Kedah

Tujuan: Bengkel yang bertujuan bagi menambah ilmu pengetahuan berkaitan Pengimejan Dan Penganalisaan Matahari yang sangat bermanfaat untuk Unit Astronomi dalam pengendalian data cerapan matahari.





PERBINCANGAN PELAKSANAAN PROGRAM MENTOR-MENTEE TAHUN 2025

Tarikh : 19 Februari 2025 / 20 Sya'ban 1446 H

Tempat : Pusat Kecemerlangan Ukur Geodetik, INSTUN

Tujuan : Bagi melakukan penilaian semula terhadap pelaksanaan program mentor-mentee yang dilaksanakan sebelum ini dan untuk membuat penambahbaikan pelaksanaan, kaedah penilaian serta penentuan bidang yang diutamakan untuk dilaksanakan mentor-mentee tahun 2025.

Penglibatan : Tenaga pengajar dan kakitangan pengurusan dan profesional di Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP).

Perbincangan ini telah dipengerusikan oleh Ketua Program Ukur Pemetaan iaitu Sr Mohd Zaidi bin Zakaria dan telah dihadiri oleh peserta Program Mentor-Mentee BUP. Perbincangan yang bermula pada sebelah pagi ini tertumpu kepada beberapa kaedah pelaksanaan yang perlu kepada penambahbaikan.

Pada masa yang sama, isu berkenaan bidang kritikal yang memerlukan tenaga pengajar pelapis dan sistem rekod pelaporan aktiviti mentor-mentee di bahagian juga turut diperincikan secara bersama bagi memastikan program ini berkesan dan mencapai objektif yang selari dengan tujuan pengwujudan mentor-mentee.

Diharapkan melalui cadangan keputusan hasil perbincangan yang diadakan ini akan memberi suatu kesan yang sangat positif dalam kalangan peserta program kearah melahirkan modal insan tenaga pengajar BUP. Semoga terus relevan untuk memantapkan bilangan tenaga pengajar dalam INSTUN.





BENGKEL SEMAKAN DAN TAMBAH BAIK LAPORAN AKHIR KAJIAN PENENTUAN KEJITUAN PENGUKURAN KETINGGIAN MENGGUNAKAN KAEDAH UKUR ARAS GLOBAL NAVIGATION SATELLITE SYSTEM (GNSS)

Tarikh : 26 - 27 Februari 2025 / 27 - 28 Sya'ban 1446 H

Tempat : Pusat Kecemerlangan Ukur Kadaster, INSTUN

Tujuan : Sesi semakan dan tambah baik kandungan di dalam laporan akhir yang akan dimuktamatkan pada bulan Mac 2025.

Penglibatan : Pasukan Projek Kajian dalaman dan pasukan perunding yang terdiri daripada seorang Juruukur Tanah Berlesen dan beberapa orang pensyarah Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam.

Sesi ini telah dipengerusikan oleh Ketua Program Ukur Pemetaan iaitu Sr Mohd Zaidi bin Zakaria yang juga merupakan ketua pasukan projek kajian. Pada masa yang sama, penglibatan daripada Juruukur Tanah Berlesen yang juga *Subject Matter Expert* (SME) bidang *Global Navigation Satellite System* (GNSS) dalam bengkel ini turut memberikan banyak panduan dan idea bagi menyempurnakan penyediaan laporan akhir projek kajian in.

Bengkel yang bermula pada sebelah pagi ini dimulakan dengan pembentangan oleh Ketua pasukan perunding berkaitan kandungan yang telah dimuatkan serta melaporkan kemajuan penyediaan di dalam laporan akhir. Berdasarkan hasil bengkel yang dijalankan ini, pihak perunding akan membuat beberapa pembedulan dan penambahbaikan lagi sebelum dihantar kepada pihak INSTUN sebagai laporan akhir yang sempurna.

Semoga hasil kajian ini akan memberikan banyak manfaat kepada seluruh pemain industri dalam melaksanakan kerja yang memerlukan pengukuran ketinggian untuk memastikan pembangunan yang dilaksanakan kelak benar-benar sempurna.



Objektif : Meningkatkan pengetahuan dan fungsian-fungsian am yang Disediakan di portal sistem MyLAND.

TME01/25 Kursus Dalam Talian: Pengenalan Sistem MyLAND telah selesai dilaksanakan pada 18 Februari 2025. Kursus ini telah ditawarkan kepada seramai 258 orang pemohon. Walaubagaimanapun hanya 209 orang sahaja telah menghadiri kursus ini, manakala 49 orang tidak hadir atas sebab komitmen kerja.

Peserta yang hadir kursus ini terdiri daripada pelbagai Kementerian dan Agensi serta pelbagai gred.

Secara keseluruhan, semua peserta memberi komitmen yang sangat baik dan sangat kerap berinteraksi dengan penceramah walaupun dilaksanakan secara dalam talian.

PERANAN PENGGUNA SISTEM MyLAND
KJP/JPPh/PEJABAT TANAH

GUNA	TUGASAN	KJP	JPPh	PEJABAT TANAH
TELIA	• Salikan permohonan baharu.	Icon of a person	Icon of a person	Icon of a person
EDIA	• Daftar Pemilikan dan Harta ke-Tanah • Kewujudan Pemilikan/Mahmil (pelesenan Perlesenan/Pelesenan/JPPh/KPTG)	Icon of a person		Icon of a person
EMAK	• Semak perolehan dari pejabat dan Harta ke-Tanah	Icon of a person		Icon of a person
ALUS	• Semak perolehan dari pejabat dan Harta ke-Tanah	Icon of a person		Icon of a person
I PENILAI	• Menentukan dan menentukan untuk membuat keputusan nilai		Icon of a person	
ADBIR			Icon of a person	
AIAN	• Menentukan status tugasan permohonan bagi kawasan tanah		Icon of a person	
NGAN			Icon of a person	
ADBIR			Icon of a person	
N NEGERI	• Menentukan status tugasan permohonan untuk semua kawasan di negeri		Icon of a person	

PERBEZAAN PERANAN : PTG NEGERI DAN JKPTG

PERANAN

PTG NEGERI (n-Tanah)	Pegawai Tanah Persediaan (PTP)
1) Menjelut dan mengemukakan tanah kepada yang berhak dengan lesen.	Pekerja tanah yang memegang tanah yang telah disediakan.
2) Mengawal pelupusan (dibayar) tanah kepada kerajaan, seperti tanah orang Peribatan, seperti tanah orang peribatan.	Menyedia perkhidmatan seperti pengiraan PTG yang lain. PTP tidak boleh menggunakan lesen n-Tanah untuk memperolehi tanah baharu lagi.
3) Menentukan dan menguruskan tanah. Penilaian dan pengurusan tanah hak milik.	PTP mengawal dan menguruskan tanah MILIK kerajaan, seperti tanah hak milik kerajaan yang dimiliki oleh kerajaan, seperti tanah hak milik kerajaan.
4) Menentukan, menguruskan, dan menguruskan tanah hak milik.	

PTP membangunkan Sistem MyLAND untuk menguruskan tanahnya dan untuk urusan pusat.

KEMENTERIAN PERTANAHAN TANAH

PONTIAN PERUMAHAN TANAH BANGSA

URUSAN PUSAT

A screenshot of a Zoom meeting grid. The grid consists of 25 individual video feeds arranged in a 5x5 layout. Each feed shows a participant, mostly men, in various settings (home offices, classrooms, etc.). Below each video feed is a name label. The names are: Row 1: MUHAMMAD BERNI, MUHAMMAD ALI, MUHAMMAD ALI, MUHAMMAD ALI, MUHAMMAD ALI; Row 2: MUHAMMAD ALI, MUHAMMAD ALI, MUHAMMAD ALI, MUHAMMAD ALI, MUHAMMAD ALI; Row 3: MUHAMMAD ALI, MUHAMMAD ALI, MUHAMMAD ALI, MUHAMMAD ALI, MUHAMMAD ALI; Row 4: MUHAMMAD ALI, MUHAMMAD ALI, MUHAMMAD ALI, MUHAMMAD ALI, MUHAMMAD ALI; Row 5: MUHAMMAD ALI, MUHAMMAD ALI, MUHAMMAD ALI, MUHAMMAD ALI, MUHAMMAD ALI. The names are partially obscured by a large watermark 'A' in the center of the grid.

The screenshot displays a Zoom meeting interface with a grid of 24 participant windows. The participants are arranged in a 4x6 grid. The names of the participants are visible below their respective video feeds. The participants are:

- Row 1: ZAIN EDDIN, ZAIN EDDIN, ADDA ALYAN ALYAN, Wiharni123456789, DED EDDAL KOWIE, ZAIN EDDIN
- Row 2: ZAIN EDDIN, ZAIN EDDIN, ZAIN EDDIN, ZAIN EDDIN, ZAIN EDDIN, ZAIN EDDIN
- Row 3: ZAIN EDDIN, ZAIN EDDIN, ZAIN EDDIN, ZAIN EDDIN, ZAIN EDDIN, ZAIN EDDIN
- Row 4: ZAIN EDDIN, ZAIN EDDIN, ZAIN EDDIN, ZAIN EDDIN, ZAIN EDDIN, ZAIN EDDIN

The participants are mostly wearing hijabs and are in a virtual classroom setting. The background of the meeting is a solid blue color. The Zoom logo is visible in the bottom right corner.

Tahukah Anda

Dimanakah **INSTUN** dan Cara Memohon **Kursus Online**



PERMOHONAN KURSUS ONLINE (eSPEK)

CARA MEMOHON

Permohonan boleh dibuat melalui dua cara iaitu secara online melalui eSPEK (Sistem Pengurusan Kursus INSTUN) atau dengan mengisi borang permohonan kursus APD (U-04) yang boleh diperolehi dengan melayari laman web INSTUN atau di Pejabat INSTUN.

Pengarah
Institut Tanah dan Ukur Negara
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Behrang Ulu, 35950 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan

Tel : +605-454 2825 **Faks** : 05-454 2837
Laman Web : www.instun.gov.my

Tarikh Tutup Permohonan :
Dua (2) minggu (hari bekerja) sebelum tarikh kursus dijalankan.

Penginapan dan Makan Minum Semasa Berkursus :
Kemudahan penginapan dan makan minum disediakan kepada semua peserta kursus yang layak.

PERMOHONAN KURSUS ONLINE (eSPEK)

1 Pendaftaran Akaun Baru

- Taip url espek.instun.gov.my.
- Klik pada link Pertama Kali Mendaftar.
- Isi borang dan klik butang Daftar. Permohonan akaun akan aktif setelah pengesahan dibuat oleh Pentadbir Sistem eSPEK.

2 Daftar Masuk Ke Sistem

- Isikan ruangan No. Kad Pengenalan dan Kata Laluan yang telah didaftarkan.
- Klik butang Log Masuk.

3 Lupa Kata Laluan

- Pada muka hadapan sistem klik hyperlink Lupa Kata Laluan.
- Isikan ruangan No. KP dan klik butang Hantar Kata Laluan.
- Sistem akan hantar emel yang mengandungi hyperlink untuk pengguna menukar kata laluan.

4 Carian Kursus

- Isikan ruangan "Nama Kursus", "Kod Kursus" atau "Tarikh Mula Kursus".
- Klik butang Cari.

5 Senarai Kursus

- Pada dropdown menu "Senarai" pilih Bahagian dan pilih Bulan. Sistem akan paparkan senarai kursus tahun 2020.
- Pada senarai nama kursus klik butang kanan mouse dan akan keluar butang berikut :
 - Lihat – untuk melihat maklumat terperinci kursus.
 - Mohon – untuk memohon kursus.
- Setelah klik butang mohon, isi borang permohonan tersebut dan klik butang Hantar.

6 Kalendar Kursus

- Pada dropdown menu, pilih "Tahun" dan "Bahagian".
- Klik butang cari.

7 Status Permohonan

- Pada status permohonan, ia akan paparkan senarai kursus yang pernah dipohon oleh pengguna berserta dengan status permohonan.
- Klik pada senarai nama kursus dan akan keluar butang berikut :
 - Lihat Permohonan – untuk melihat semula borang permohonan yang telah diisi.
 - Kemaskini Permohonan – untuk mengemaskini maklumat di dalam borang.
- Batal Permohonan – untuk membatalkan permohonan kursus. Butang ini hanya aktif bagi status "Dalam Proses" sahaja.

8 Pengesahan Kehadiran

- Pada pengesahan kehadiran, ia akan paparkan senarai kursus yang statusnya "Dipilih" sahaja.
- Klik butang kanan tetikus dan ia akan paparkan pilihan berikut :
 - Lihat Permohonan – untuk melihat semula borang permohonan yang telah diisi dan boleh dikemaskini.
 - Pengesahan Kehadiran – untuk membuat pengesahan samada hadir, tidak hadir dan tidak hadir dengan pengganti.
 - Cetak Surat Tawaran – untuk mencetak surat tawaran yang telah dijana oleh penyelaras kursus.
 - Lihat Content Base Training – untuk melihat nota interaktif berkaitan kursus
- Klik pada pilihan Pengesahan Kehadiran dan borang pengesahan kehadiran akan dipaparkan. Pilih samada "Hadir", "Tidak Hadir" atau "Tidak Hadir Dengan Pengganti". Isikan butiran yang diperlukan dan klik butang simpan.

9 Surat Tawaran

- Klik butang kanan tetikus, ia akan paparkan butang Cetak Surat Tawaran. Surat tawaran hanya boleh dicetak sekiranya telah dijana oleh penyelaras kursus.

10 Kursus Semasa

- Klik butang kanan tetikus pada senarai kursus semasa (kursus yang sedang diikuti pada tarikh semasa), ia akan paparkan tiga butang berikut :
 - Lihat Borang Permohonan – untuk melihat / mengemaskini borang permohonan
 - Penilaian – untuk mengisi borang penilaian kursus
 - Ujian – untuk menjawab soalan ujian yang telah dimasukkan oleh Penyelaras Kursus.

11 Rekod Kursus

- Menu ini akan memaparkan rekod kursus yang pernah dipohon oleh pengguna. Klik butang kanan tetikus pada senarai kursus akan paparkan butang berikut :
 - Lihat Borang Permohonan – untuk lihat borang permohonan
 - Rekod kehadiran – untuk melihat rekod kehadiran kursus
 - Lihat Jawapan Ujian – untuk menyemak semula jawapan ujian yang telah dijawab.

12 Pengumuman / Berita

- Individu – Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada individu
- Kursus – Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada peserta - peserta bagi satu kumpulan kursus
- Umum – Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada semua pengguna eSPEK.

13 Lihat Profil

- Untuk melihat / mengemaskini profil peribadi.